

# De'Force juara berganda Piala Pendaftar UMS

UB 16.5.2018 B12

KOTA KINABALU: Pasukan De'Force daripada anggota keselamatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menewaskan Royal United 2-0 pada perlawanan akhir untuk muncul juara Liga Bola Sepak Kakitangan Piala Pendaftar UMS baru-baru ini.

Perlawanan bagi menentukan tempat ketiga dan keempat pula menyaksikan Sains United menewaskan Jabatan Hal Ehwasl Pelajar dan Alumni (HEPA FC) 8-3.

Ia adalah gelaran juara berganda bagi De'Force di mana mereka juga adalah juara Piala FA manakala Sains United naib juara.

Gelaran juara liga menyaksikan De'Force membawa balik hadiah wang tunai RM500, piala dan medal.

Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah disempurnakan Pendaftar UMS, No'Man Datuk Haji Ahmad di Stadium Utama Kompleks Sukan UMS selepas perlawanan akhir liga.



**ANGGOTA** pasukan De'Force bergambar sambil menunjukkan hadiah yang dimenangi selepas majlis penyampaian hadiah.

No'man berkata, kejohanan disertai 12 pasukan kakitangan UMS yang telah berlangsung sejak November 2017 itu akan diteruskan sebagai galakan agar kakitangan terus aktif bersukan di samping menjadikannya ruang bagi kakitangan berinteraksi.

Sambil itu, pengurus pasukan De'Force, Kolonel Abdul Talip Ariffin yang juga

Ketua Bahagian Keselamatan UMS berkata, kejayaan berganda mereka itu adalah hasil persiapan dan latihan rapi.

Katanya, pasukan itu akan diberi peluang dan pendedahan menyertai kejohanan di luar UMS jika ada kesempatan melakukannya. **-Oleh VITALIS G BINGKASAN**